

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM PERPISAHAN BAGI BEKAS KETUA SETIAUSAHA  
NEGARA YANG BERBAHAGIA TAN SRI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID

TEMPAT: HOTEL CROWN PRINCESS, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 OCT 1996

MASA:

1. Majlis makan pada malam ini adalah untuk merai dan mengucapkan selamat bersara kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Sarji, bekas Ketua Setiausaha Negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Ahmad Sarji dan Puan Sri Sagiya kerana sudi bersama-sama kita pada majlis yang istimewa ini.

2. Tan Sri Ahmad Sarji telah berkhidmat dengan penuh cemerlang dengan Kerajaan selama lebih daripada 35 tahun. Dalam tempoh tersebut, beliau telah memegang beberapa jawatan penting seperti Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang. Jawatan terakhir yang dipegang oleh beliau ialah jawatan Ketua Setiausaha Negara yang merupakan jawatan yang tertinggi dan terpenting dalam perkhidmatan awam.

3. Tan Sri Ahmad Sarji merupakan orang yang kesembilan memegang jawatan tertinggi ini. Saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Ahmad Sarji kerana telah berjaya menerajui perkhidmatan awam dan menjalankan tugas-tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara dengan penuh komitmen, dedikasi dan cemerlang.

4. Sebagai Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji bukan sahaja telah berjaya membawa perkhidmatan awam ke tahap yang lebih efisien dan produktif tetapi mampu memberi motivasi dan pimpinan yang dinamik untuk membawa perubahan yang sesuai dengan perubahan-perubahan yang sedang kita lalui sebagai negara yang pesat membangun, yang perlu mengguna kaedah-kaedah baru yang datang bersama dengan zaman maklumat. Kesungguhan Tan Sri Ahmad Sarji sebagai Ketua Setiausaha Negara yang cekap dan sistematik jelas diperlihatkan dengan usaha-usaha beliau untuk menyusun dan mendokumentasikan proses-proses kerja dan menubuh standard-standard atau kualiti dengan harapan kita akan mencapai ISO 9000 bagi pentadbiran kita. Era yang kita sedang lalui

menekankan kualiti yang tinggi yang mempunyai parameter-parameter tertentu. Sepertimana kata Rossabeth Moss Kantor, untuk kita berjaya, satu-satu organisasi itu perlu mempunyai tiga perkara:-

- Konsep ataupun idea-idea;
- Kecekapan ataupun 'competence' untuk melaksanakan idea-idea dan design;
- Perhubungan ataupun rangkaian yang membolehkan kita mempunyai rakan yang dapat menyokong usaha-usaha kita.

5. Dalam perkhidmatan awam, semasa Tan Sri Ahmad Sarji menjawat jawatan Ketua Setiausaha Negara ketiga-tiga konsep ini telah diterimapakai dan menjadi asas-asas atau landasan utama dalam menggerakkan perkhidmatan awam. Pegawai-pegawai tertinggi digalakkan berkursus, menulis dan merekod pengalaman-pengalaman mereka. Proses-proses kerja telah diperkenalkan supaya kerja-kerja mudah dijalankan secara yang sistematik walaupun pegawai baru mengambilalih.

6. Tan Sri Ahmad Sarji memahami kehendak-kehendak Kerajaan dan beliau diberi amanat dan kepercayaan dalam melaksanakan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kerajaan. Beliau juga adalah orang perantara di antara Kerajaan dan perkhidmatan awam dan dengan perwatakan yang lembut tetapi serius dan tegas, beliau berjaya membawa perkhidmatan awam ke tahap yang berkualiti tinggi, bersih, cemerlang dan dikagumi oleh perkhidmatan-perkhidmatan awam di dunia ketiga. Kejayaan Kerajaan melaksanakan program-program sosial, ekonomi dan agama adalah hasil kegigihan dan komitmen serta pendekatan beliau yang profesional dan mampu memberi imej yang bersih dan 'competent' kepada perkhidmatan awam.

7. Kebolehan-kebolehan Tan Sri Ahmad Sarji boleh juga dinilai daripada skop penulisan dan bilangan buku, artikel yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan, badan-badan yang terletak di bawahnya dan dengan tulisannya sendiri sepanjang perkhidmatan beliau. Beliau yang secara gurauan digelar 'bapa circular' telah memberi banyak erti kepada konsep 'down sizing, reengineering of the public service' untuk mencapai saiz yang optima, berkualiti dan yang lebih cemerlang.

8. Selain kemampuan Tan Sri Ahmad Sarji membawa perubahan kepada perkhidmatan awam, beliau juga terkenal dengan sukan golf. Negara kita lebih terkenal dengan penglibatan Tan Sri Ahmad Sarji di bidang ini. Ramai pemain dan peminat golf akan berasa terhutang budi kepada Tan Sri Ahmad Sarji kerana berjaya memberi pimpinan kepada golf sebagai satu sukan rekreasi dan sosial.

9. Sungguhpun Tan Sri Ahmad Sarji akan bersara dari perkhidmatan awam, saya percaya beliau akan terus melibatkan diri dalam beberapa bidang penting seperti di sektor swasta kerana Tan Sri merupakan seorang pegawai tertinggi Kerajaan yang berjaya menjalin hubungan rapat di antara sektor awam dan swasta mengikut konsep pensyarikatan Malaysia.

10. Kepada Tan Sri Ahmad Sarji, saya bagi pihak Kerajaan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga dan terima kasih kepada Tan Sri di atas jasa-jasa dan sumbangan beliau yang cemerlang kepada perkhidmatan awam dan negara amnya. Saya yakin walaupun Tan Sri Ahmad Sarji telah bersara, beliau akan terus memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Abdul Halim bin Ali kerana perlantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru. Dengan pengetahuannya yang banyak dan luas saya percaya Datuk Abdul Halim bin Ali mampu meneruskan tugas-tugas Ketua Setiausaha Negara untuk membawa perkhidmatan awam ke tahap yang lebih cemerlang.

11. Akhir kata, marilah kita berdoa semoga Tan Sri Ahmad Sarji dan Puan Sri Sagiyah dan keluarga akan terus sihat dan kepada Tan Sri kita ucapkan selamat bersara dan terus berjaya dalam sebarang bidang yang beliau akan ceburi.